

Publication : Berita Harian  
Heading : S'pore returns to the top as safest country to run business  
Date : June 30, 2010  
Circulation : 60,000

# S'pura kembali di atas sebagai negara paling selamat jalankan niaga

Oleh ATIYAH MOHD SAID  
atiyahm@sph.com.sg

SINGAPURA menduduki semula tempat teratas sebagai negara paling selamat untuk menjalankan perniagaan di Asia.

Ini setelah kumpulan perkhidmatan pengurusan kredit dan insurans kredit antarabangsa utama, Coface, meningkatkan penilaian risiko negara daripada A2+ kepada A1.

Singapura turut mendapat penilaian A1 bagi iklim perniagaan yang antara lain mengambil kira ketelusan kewangan syarikat serta kecekapan sistem mahkamah bagi menyelesaikan isu-isu hutang.

Mengumumkan keputusan itu semasa Sidang Risiko Negara Coface yang pertama kali diadakan di sini di Hotel Shangri-La semalam, Coface menyifatkan pencapaian Singapura adalah hasil usaha pemerintah yang berterusan dalam membantu sektor korporat mengharungi krisis ekonomi.

Pengaruh Urusan Asia Coface Holding, Encik Jean-Claude Speitel, menjelaskan berbanding negara-negara lain,

## SEKILAS

### Penilaian Risiko Negara:

Singapura	A1
Hongkong	A2+
Taiwan	A2+
Korea	A2
Malaysia	A2

### Penilaian Iklim Niaga:

Singapura	A1
Hongkong	A2
Taiwan	A2
Korea	A2
Malaysia	A3

Sumber: Coface

pemerintah menghulurkan sokongan bukan sahaja kepada bank-bank, malah juga kepada firma setempat.

"Kita lihat pemerintah membantu firma-firma eksport misalnya dalam bentuk Skim Kredit Eksport, sekali gus menyokong ekonomi setempat kerana ia berpusat kepada eksport.

"Selain itu, ia mengambil lang-

kah-langkah lain seperti membiayai usaha syarikat-syarikat yang mahu melabur dalam usaha melatih semula kakitangan serta menyumbang dan menyediakan pinjaman kepada mereka yang mengekalkan atau mendapatkan pekerja baru," ujarnya.

Lantaran itu, terang Encik Speitel, ia membolehkan Singapura mengatasi krisis dengan lebih baik berbanding negara-negara lain.

Menyusul di belakang Singapura adalah Hongkong dan Taiwan yang masing-masing mendapat penilaian A2+ dan diikuti dengan Korea dan Malaysia yang memperoleh penilaian A2.

Sementara itu dalam ucapannya, Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Encik Lim Hng Kiang, menjangkakan terdapat permintaan untuk huraian pengurusan risiko di sini sedang kegiatan perdagangan cergas di arena global dan serantau.

"Asia sendiri memerlukan pelaburan prasarana sebanyak hampir AS\$8 trilion (\$11 trilion) dalam masa 10 tahun mendatang. Singapura boleh memainkan peranan penting dalam menyediakan insurans risiko politik kepada

syarikat-syarikat yang terlibat dalam pelaburan rentas sempadan di rantau ini.

"Maka itu, kami merangsang keupayaan dan menarik kepakaran dalam menyediakan khidmat insurans bagi risiko-risiko khusus termasuk insurans kredit perdagangan dan risiko politik," ujar Encik Lim.

Beliau menambah, rancangan Singapura menjadi hab perdagangan derivatif komoditi dan pengurusan risiko juga sedang berjalan lancar.

Menyentuh tentang pemulihan ekonomi yang pesat di Asia, Encik Lim menukil empat faktor utama – pakej rangsangan ekonomi yang tegas, kecairan yang banyak ekoran dasar kewangan lebih longgar dan aliran modal, penyesuaian dalam pusingan inventori serta aliran perdagangan yang kembali kukuh.

Penilaian risiko negara Coface yang dijalankan setiap suku tahunan mencerminkan sejauh mana ramalan ekonomi, kewangan dan politik sebuah negara mempengaruhi komitmen kewangan syarikat-syarikat setempat.

Translation summary :

International trade credit management and insurance company, Coface, today upgraded its country risk analysis for Singapore from A2+ to A1.

The findings were released at the Coface Country Risk Conference at the Shangri-La Hotel yesterday. The ratings upgrade was attributed to the continuous efforts by the Singapore government which helped the corporate sector through economic crisis.

Regional Managing Director of Coface Holding in Asia, Jean-Claude Speitel, said, "We saw that the Singapore government helped export firms with its credit export schemes, which helped boost the local export-driven economy."

"Other measures taken include sponsoring the efforts of companies to invest in the training of current staff as well as measures to boost credit and support the Singapore economy," he added.

In his keynote speech, Lim Hng Kiang, Minister for Trade and Industry said that Singapore plans to become a derivative commodities trade hub for risk management is progressing smoothly.

He also said that Singapore's recovery was aided by four main factors: its firm economic growth package, higher liquidity through better cash/capital flow, adaptation of inventory cycle and stable trade flows.